

FAHAMAN SYIAH DAN KEHARMONIAN AGAMA ISLAM DI MALAYSIA: PERSPEKTIF PENDEKATAN KESELAMATAN NEGARA.

(Shia and The Harmony of Islam in Malaysia: A Perspective From National Security Approach)

A. Halim Daud, Zarina Binti Othman & Nor Azizan Idris

ABSTRAK

Ancaman terhadap keselamatan negara hari ini tidak lagi terbatas kepada perang semata-mata. Ancaman bukan tradisional seperti perbalahan mazhab dan konflik agama turut memberi kesan terhadap nilai teras sesebuah negara. Di Malaysia, walaupun fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah diisyiharkan sebagai pegangan rasmi, namun masih terdapat segelintir masyarakat yang berpegang pada fahaman Syiah. Justeru, kajian ini bertujuan mengenal pasti adakah fahaman Syiah boleh menjadi ancaman terhadap keselamatan negara walaupun pengikutnya tidak ramai. Kajian ini menggunakan metod pendekatan kualitatif berasaskan kepada sumber primer dan sekunder. Data sumber primer adalah berasaskan kepada kaedah temu bual mendalam. Manakala sumber sekunder, berasaskan kepada kaedah kepustakaan dan analisis dokumen. Kajian ini akan melihat kepada pendekatan sekuritisasi dalam konsep keselamatan negara iaitu suatu pelakuan ucapan yang mengandungi unsur ancaman terhadap isu yang dibangkitkan serta mempercayai bahawa objek sasaran berkenaan terancam dan perlu dipertahankan. Dari analisis, fahaman Syiah yang mula menular ke Malaysia selepas Revolusi Iran pada tahun 1979, mendapat tindakan yang tegas dari pihak berkuasa keselamatan seperti Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Agama Islam Negeri kerana isu ini telah menimbulkan kegusaran dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia. Walaupun isu ini sensitif dibincangkan kerana ia melibatkan hubungan diplomatik antara kerajaan Malaysia dan Iran, namun kajian mendapati, hubungan kedua negara ini sama sekali tidak terjejas akibat sifat hormat-menghormati. Namun bagi domestik Malaysia, terdapat elemen sekuritisasi yang perlu diperhatikan.

Kata kunci: Keselamatan Negara, Nilai teras, Revolusi Iran tahun 1979, Sekuritisasi, Syiah

ABSTRACT

Threats to national security today are no longer limited to warfare. Non-traditional threats such as sectarian disputes and religious conflicts also affect the core values of a country. In Malaysia, although Ahlus Sunnah Wal Jamaah was declared the official creed, there are still a handful of society members who uphold Shia beliefs. Hence, this study is aimed at identifying whether Shia can be a threat to national security even though its followers are lesser. This study uses a qualitative approach method based on primary and secondary sources. Primary source data is based on in-depth interview methods. Meanwhile, secondary sources are based on literature methods and document analysis. This study will

look at the securitization approach of national security concept which refers to speeches act that contain threat elements against the issue raised and believes that the object reference is threatened and needs to be defended. From such analysis, Shia beliefs that spread to Malaysia after the Iranian Revolution 1979, faced stern actions from security authorities such as the Royal Malaysian Police and the State Islamic Religious Department as this issue caused strong resentment among the Muslim communities in Malaysia. Despite being a sensitive issue to be discussed as it involved diplomatic ties between the Malaysian and Iranian governments, the study found that the relations between both countries were unaffected due to mutual respect. However, for Malaysia, there are elements of securitization that need to be addressed.

Keywords: National Security, Core values, 1979 Iranian Revolution, Securitization, Shia

PENDAHULUAN

Konsep keselamatan negara mengalami satu dimensi baharu setelah berakhirnya Perang Dingin antara Amerika Syarikat (AS) dan Kesatuan Soviet setelah lebih empat dekad memisahkan masyarakat antarabangsa dengan ideologi demokrasi-kapitalis dan sosialis-kapitalis. Keruntuhan Tembok Berlin di Jerman pada tahun 1989 menjadi antara penanda aras terbukanya ruang perdebatan yang luas mengenai keselamatan negara dalam kalangan sarjana dan pemimpin-pemimpin dunia (Baranovsky, 1992; Valki, 1992). Konsep keselamatan negara yang sebelum ini hanya dikaitkan dengan ancaman tradisional seperti perperangan dan ancaman ketenteraan, kini mula membuka spektrum perbincangan kepada skop yang lebih luas iaitu ancaman berbentuk bukan-tradisional seperti isu dadah konvensional dan sintetik, ancaman kumpulan pemisah, pendatang asing tanpa izin, wabak penyakit berjangkit, jenayah rentas sempadan, isu alam sekitar, migrasi masyarakat antarabangsa, perbalahan mazhab dan juga konflik agama (Valki, 1992; Nor Azizan & Zarina, 2015).

Keselamatan negara sebagai satu konsep telah diperkenalkan oleh AS setelah tamatnya Perang Dunia ke-2. Beberapa orang sarjana telah membahaskan konsep keselamatan negara ini antaranya adalah seperti Trager & Simonie (1973), yang menyatakan konsep keselamatan negara adalah suatu usaha untuk mencapai nilai-nilai nasional yang merangkumi di dalamnya sistem politik, sosial dan asas fizikal tertubuhnya sesebuah negara. Nilai-nilai nasional ini merujuk kepada nilai kelangsungan hidup bagi memastikan kewujudan berterusan sesebuah negara dan masyarakat, bahasa, pembangunan sosial, ekonomi, kemerdekaan politik dan integriti sempadan. Hujah ini turut diperkasakan oleh Al Mashat (1985) dengan menjelaskan bahawa, nilai-nilai nasional adalah nilai teras yang perlu dipertahankan bagi kelangsungan hidup sesebuah negara. Menurut Kamarulnizam (2012), setiap negara mempunyai nilai teras yang berbeza untuk dipertahankan. Antara nilai teras yang perlu dipertahankan oleh negara Malaysia adalah seperti kedaulatan wilayah, integriti sempadan, kestabilan politik dan sosial masyarakatnya yang berbilang bangsa. Justeru, kewujudan dua fahaman terbesar dalam Islam iaitu fahaman Ahli Sunah Wal Jemaah (akan disebut sebagai Sunni selepas ini) dan Syiah di Malaysia di lihat mampu mewujudkan pertembungan dalam perpaduan dan keharmonian masyarakat Islam di negara ini.

SOROTAN KARYA

Pada asasnya, fahaman Syiah adalah salah satu aliran mazhab dalam pemikiran Islam yang mempercayai bahawa Sayidina Ali lebih layak di lantik sebagai khalifah dan pewaris kepada Rasulullah S.A.W. Masyarakat Syiah turut mempercayai bahawa, mereka yang bukan dari jalur keturunan Rasulullah S.A.W adalah tidak berhak menjawat jawatan khalifah serta di anggap telah merampas hak tersebut dari *Ahlu Bayt* (keluarga Rasulullah) (Kamaluddin 2014:14). Sesetengah sarjana seperti Toensing (2007), Jones (2006), Sørli, et al. (2005) dan Skocpol (1982) menjelaskan, pertembungan antara fahaman Sunni dan Syiah mewujudkan suasana konflik yang tidak berkesudahan di Rantau Timur Tengah. Walaupun terdapat sarjana seperti Mansoureh (2017) yang menyatakan konflik di Timur Tengah sebenarnya adalah lebih menjurus kepada hegemoni dan kuasa, namun tidak kurang ada yang beranggapan bahawa konflik Sunni-Syiah ini turut menyumbang kepada ketegangan berkenaan.

Toensing (2007) telah menganalisis beberapa pandangan pemimpin-pemimpin negara seperti Iraq dan Mesir mengenai Syiah. Mantan Presiden Mesir iaitu Hosni Mubarak (1981-2011) pernah mengungkapkan bahawa golongan Syiah hanya akan taat kepada negara Iran dan bukannya negara yang sedang mereka di diam. Perkara ini turut dikongsi oleh Saddam Hussin, bekas Presiden Iraq (1979-2003) juga pernah menyatakan bahawa Iran sebenarnya adalah ancaman yang lebih besar kepada Iraq berbanding Israel. Menurutnya, pengaruh yang dibawa oleh Al-Khomeini berupaya memaksa dan memberi inspirasi kepada penduduk Syiah di Iraq untuk taat kepada pemimpin *Wilayatul Faqih* tersebut (Toensing, 2007:2-3).

Hal yang sama turut dikongsi oleh Jones (2006) yang mengkaji mengenai kumpulan minoriti Syiah dan kesannya terhadap negara Arab Saudi (akan disebut dengan Saudi selepas ini). Revolusi Iran sebenarnya telah membuka ruang kepada kumpulan minoriti iaitu penduduk Syiah di Saudi untuk memperjuangkan hak kesamarataan. Kumpulan ini mengambil peluang untuk memberontak atas nama pembaharuan, penentangan kepada korupsi, kerjasama kerajaan yang terlampaui berkiblat dengan Blok Barat dan mempertikaikan kredibiliti pemerintah Saudi dalam menjaga keharmonian dua Tanah Haram iaitu Mekah dan Madinah. Bagi Jones agenda dan modus operandi mereka sangat jelas. Semasa fenomena Revolusi Iran berkenaan, Iran kerap menghantar pesanan dan pengarahan kepada masyarakat Syiah di luar Iran melalui frekuensi radio bagi menyemarakkan semangat juang dan inspirasi yang di bawa oleh Khomeini (Jones, 2006:225).

Kemuncak pertembungan antara Syiah dan Kerajaan Saudi adalah pada penghujung November 1979 apabila berlaku kejadian keganasan dan pemberontakan antara pasukan keselamatan Kerajaan Saudi dan ribuan masyarakat Syiah yang kecewa dengan penghalangan kumpulan ini bagi merayakan hari Ashura sempena memperingati kematian Sayidina Hussein cucu kepada Nabi Muhammad S.A.W. Ekoran pemberontakkan ini, ramai yang tercedera dan meninggal dunia. Antara kemasuhan yang dicatatkan adalah kejadian pembakaran Bank milik British di Qatif, Pejabat *Saudia National Airline*, kenderaan-kenderaan awam, serangan bersenjata ke atas pihak polis, serangan ke atas pejabat pasukan pengawal pantai di perkampungan Al-Awamiyya, rampasan senjata dari pasukan tentera dan penawanahan pusat bandar Qatif. Dalam kejadian ini, hampir 20,000 orang pasukan tentera telah ditugaskan untuk berada dalam sekitar bandar Qatif, Sayhat dan Safwa bagi mengawal pasukan pemberontak Syiah, mengawal aliran maklumat dan menghalang pasukan ini dari membakar fasiliti-fasiliti minyak mentah (Jones, 2006:213). Walaupun Syiah hanyalah kumpulan minoriti di Saudi, namun keganasan yang dicetuskan oleh kumpulan ini amat membimbangkan. Dengan berbekalkan slogan yang dilaungkan oleh Al-Khomeini dari Iran,

mereka agresif memperjuangkan sesuatu walaupun bertentangan dengan nilai-nilai teras sesebuah negara berkenaan.

Perkara sebegini membawa kepada konflik antara fahaman Sunni dan Syiah khususnya di Timur Tengah. Dua nilai yang tidak dapat dikonstruksikan secara sosial dalam satu negara mengundang kepada timbulnya isu-isu melibatkan keselamatan negara. Namun hal ini mempunyai perdebatan tersendiri. Sesetengah sarjana seperti Mansoureh (2017) menjelaskan, konflik di Timur Tengah sebenarnya lebih bersifat pencarian kuasa berbanding konflik Sunni-Syiah. Namun berbeza bagi Terrill iaitu seorang sarjana dan pakar dalam keselamatan Timur Tengah, beliau berpandangan bahawa, konflik di Timur Tengah adalah disebabkan oleh pertembungan antara Saudi dan Iran yang mana kedua-dua mengisyiharkan merekalah pengamal tradisi Islam yang sebenarnya (Terrill, 2012). Walau apa jua pandangan dari kedua faktor ini sama ada, pencarian kuasa mahupun konflik Sunni-Syiah sememangnya menjadi salah satu dari perpecahan umat Islam pada hari ini. Secara kronologinya, konflik antara fahaman Sunni-Syiah ini yang dikatakan bermula selepas kewafatan baginda Rasulullah S.A.W. Perselisihan yang pada mulanya hanya berkisarkan kepada persoalan kepimpinan kini menjadi salah satu punca kepada pergeseran Umat Islam di dunia. Bahkan pada hari ini, isu ini menjadi lebih kompleks apabila ia melibatkan negara.

Beberapa penganalisis Timur Tengah seperti Sorli, Gleditsch & Strand (2005) dan Hashemi & Postel (2017) turut mempunyai pandangan yang sama di mana konflik Sunni-Syiah boleh dikatakan sebagai antara faktor pergeseran terhadap kedua negara ini iaitu Saudi dan Iran. Kedua negara ini saling mempamerkan kekuatan untuk menunjukkan bahawa merekalah yang mampu memimpin dunia Islam termasuklah menerajui konflik-konflik dalam negara di rantau berkenaan seperti yang berlaku di Iraq, Syria dan Yaman. Bagi negara Arab, pasca Revolusi Iran memberi signal kepada mereka bahawa fahaman Syiah perlu dikekang untuk memastikan ‘ideologi’ yang disebarluaskan oleh Khomeini tidak mempengaruhi minoriti masyarakat Syiah dalam negara mereka. Selepas kepulangan Khomeini dari buangan dan kejayaan beliau menjatuhkan rejim Shah Iran di Iran, Khomeini telah membangunkan pendekatan disebut sebagai *wilayat al-faqih* iaitu kekuasan mutlak berada di bawah seliaan ahli agama. Beliau berhujah bahawa sebelum ketibaan Imam Mahdi, pemerintahan negara perlu ditadbir oleh ulama atau ahli agamawan (*high ranking cleric*) dan dalam masa yang sama, Khomeini langsung tidak menyembunyikan hasratnya untuk mengeksport semangat revolusi Iran ke luar Iran (Soage, 2017, *Institute Espanol de Estudios Estrategicos (IEEE)*)

Perkara ini menggusarkan dunia Arab dari dua aspek. Pertama, kebanyakan dunia Arab adalah ditadbir oleh kumpulan monarki. Ini termasuklah di Saudi, Bahrain, Jordan dan Kuwait. Bahkan dalam keadaan tersebut, Saddam Hussein yang dianggap sebagai diktator dalam dunia Islam, pada era tersebut, telah mengambil peluang menyerang Iran pada tahun 1980 dalam Perang Iran-Iraq. Walaupun Saddam terkenal sebagai seorang diktator, zalim dan autoritarian, dunia Arab dan negara-negara Teluk tetap menyokong tindakan Iraq dalam perperangan yang berlangsung selama lapan tahun (1980-1988). Kedua, kebanyakan negara di Timur Tengah mempunyai masyarakat Syiah tersendiri. Jadual1 di bawah menunjukkan anggaran taburan masyarakat Syiah di Rantau Timur Tengah:

Jadual 1: Anggaran Penduduk Berfahaman Syiah dan Sunni di Timur Tengah

Negara	Kedudukan Negara Berdasarkan Anggaran	Anggaran Populasi Muslim	Anggaran Penduduk Syiah	*Anggaran Peratusan Syiah	*Anggaran Peratusan Sunni
Iran	1	75,819,000	73,500,000	94-95%	5-10%
Iraq	4	32,450,000	24,500,000	65-70%	35-40%
Turki	5	74,860,000	19,750,000	20-30%	80-85%
Yaman	6	25,407,381	11,500,000	35-40%	60-65%
Arab Saudi	10	26,493,000	4,760,000	15-20%	85-90%
Syria	12	21,900,000	4,100,000	15-20%	70-74%
Mesir	15	80,024,000	2,200,000	2-3%	90-98%
Lubnan	17	3,542,000	1,850,000	25-27%	25-27%
Kuwait	23	2,836,000	1,160,000	35-40%	70-76.7%
Bahrain	25	1,234,571	750,000	60-65%	35-40%
Libya	32	7,325,000	500,000	4-5%	96.6%
Oman	37	2,647,000	400,000	8-10%	85-90%
Qatar	44	1,268,000	250,000	5-10%	55-67%

Sumber: Pew Research Center.com (2017); Islamic Web (2013); CIA Worldfact (2017)

Jadual 1 di atas menunjukkan, hampir kesemua negara di Rantau Timur Tengah mempunyai populasi masyarakat Syiah. Sama ada mereka menjadi majoriti dalam negara ataupun minoriti. Berdasarkan dari kedudukan negara di atas, Iran, Iraq, dan Bahrain menjadi negara paling ramai masyarakat Syiah di Timur Tengah. Namun, sama ada ia populasi majoriti atau minoriti dalam negara berkenaan, soal keselamatan tidak bergantung kepada angka. Desakan yang berterusan ke atas kumpulan minoriti juga sebenarnya mampu mewujudkan fenomena yang disebut sebagai “*the concept of stress*” atau mewujudkan tekanan ke atas kumpulan minoriti akibat dari keperluan asas yang tidak dipenuhi seperti kebebasan bersuara dan kebebasan keselamatan sehingga kelompok ini akan menterjemahkan protes di luar demokrasi (Che Mohd Azizi, 2013).

Kegagalan mengawal konflik antara Sunni-Syiah ini dikhawatiri boleh mengundang ketidakstabilan dalam negara. Contohnya di Saudi, peristiwa pemberontakan masyarakat Syiah di Qatif selain dari penaklukan Juhayman al-Otaibi ke atas Masjidil Haram di Mekah pada tahun 1979 masih dibincangkan sehingga hari ini. Peristiwa berkenaan berlaku hanya sejurus selepas kemenangan Khomeini menggulingkan Shah Iran dalam Revolusi Iran. Manakala peristiwa penaklukan Juhayman al-Otaibi bersama ratusan pengikutnya ke atas Masjidil Haram di Mekah, walaupun ia tidak ada bersangkutan dengan fahaman Syiah dan hanya disabitkan kekecewaan terhadap fahaman Wahabi, namun ia adalah satu tanda bahawa tindakan yang berlaku di Iran cuba dimanipulasikan dalam negara-negara Arab lain (Wynbrandt, 2004). Kebanyakan perang sivil yang berlaku di negara Arab juga mempunyai perkaitan dengan pertembungan antara fahaman Sunni-Syiah (CFR, 2016) Walaupun ia bukan perdebatan utama namun wacana mengenai pergeseran fahaman Sunni-Syiah masih menjadi latar belakang dalam konflik yang berlaku di Timur Tengah (Amin Saikal et.al, 2016). Contohnya seperti di Yaman, Bahrain, Syria dan Lubnan, semuanya merupakan peperangan yang bertabirkan kepada kelompok Sunni menentang Syiah atau kelompok Syiah

menentang Sunni. Pasca Revolusi Iran menyaksikan negara-negara Timur Tengah terus bergelumang dengan konflik melibatkan perang sivil dalam negara. Tiga puluh lapan tahun memperlihatkan konflik melibatkan masyarakat Sunni-Syiah semakin bertambah. Walaupun konflik Sunni-Syiah sudah pun wujud sebelum Revolusi Iran, namun pasca revolusi memperlihatkan isu ini semakin dijadikan alasan antara negara-negara di Timur Tengah terutama Saudi dan Iran terus memenangi perlumbaan senjata dan menjadi kuasa hegemoni di rantau tersebut (Riki, Zarina & Ruhanas, 2013). Konflik antara Sunni-Syiah ini juga mendapat liputan yang luas dari pelbagai pihak. Ia mungkin disebabkan oleh populasi masyarakat Islam yang ramai dan menjadi kedua terbesar selepas masyarakat Kristian.

Menurut Pew Research Centre (2017), populasi umat Islam di seluruh dunia pada masa kini adalah dianggarkan sekitar 24% daripada populasi masyarakat dunia. Daripada jumlah berkenaan, masyarakat Sunni dianggarkan berjumlah 90% manakala masyarakat Syiah pula dianggarkan sekitar 10% hingga 13%. Di Malaysia, Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Ketua Setiausaha Kementerian menyebut, sehingga Ogos 2013, dianggarkan lebih kurang 250,000 orang penganut Syiah telah berada di Malaysia (*Sinar Harian*, 5 Ogos 2013). Nisbah ini menjadikan penganut Syiah berjumlah 8.3% daripada keseluruhan 30.3 juta populasi rakyat Malaysia yang beragama Islam dan majoriti berpegang dengan fahaman Sunni (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2014).

Kemasukan fahaman Syiah secara besar-besaran ke Malaysia dipercayai selepas Revolusi Iran pada tahun 1979. Revolusi ini menyaksikan kejatuhan pimpinan sekular Shah Pahlavi dan tertubuhnya negara Republik Islam Iran. Islam yang dimaksudkan berkenaan adalah fahaman Syiah dan ia dijadikan sebagai fahaman rasmi negara Iran. Walaupun dunia memberikan revolusi berkenaan dengan nama Revolusi Islam, namun ia merupakan agenda Iran bagi meluaskan doktrin Syiah atas nama menyatukan negara Islam di bawah konsep *Wilayatul Faqih* iaitu meletakkan kepimpinan di bawah pengurusan agamawan (Mohd Nakhaie, 2013; Mohammed al-Sulami, 2018). Walaupun Syiah menjadi kumpulan kedua terbesar dianuti oleh masyarakat Islam selepas fahaman Sunni, namun Kerajaan Malaysia memutuskan agar fahaman Syiah tidak disebarluaskan di Malaysia melalui fatwa yang telah diputuskan oleh Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia yang bersidang pada 5 Mei 1996 seperti berikut:

“...bersetuju supaya keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa yang telah diadakan pada 24 dan 25 September 1984 [Kertas Bil. 2/8/84, Perkara 4.2. (2)] mengenai aliran Syiah yang menetapkan seperti berikut :” Setelah berbincang dan menimbang kertas kerja ini Jawatankuasa telah mengambil keputusan bahawa hanya Mazhab Syiah dari golongan Al – Zaidiyah dan Jaafariah sahaja yang diterima untuk diamalkan di Malaysia.” Dirmansuhkan.”

Pada tahun 2013, Tan Sri Khalid Abu Bakar (Mantan Ketua Polis Negara 2012-2017) pernah menjelaskan kehadiran kumpulan Syiah dengan jumlah yang tidak terkawal di Malaysia boleh menimbulkan pertembungan antara kumpulan Syiah dan Sunni sehingga mengancam keselamatan Negara (*Astroawani.com*, 2015). Sekiranya Malaysia tidak mengambil pendekatan awal bagi menangani peningkatan jumlah penganut fahaman Syiah ke negara ini, tidak mustahil akan wujud perselisihan fahaman antara golongan Sunni dan Syiah memandangkan masyarakat Malaysia adalah majoriti berfahaman Ahlus Sunah Wal Jemaah (Temu bual bersama Cawangan Khas, PDRM pada 11 April 2018). Dalam satu memorandum Majlis Syiah Malaysia kepada Yang Di Pertuan Agong bertarikh 6 Jun 2011, kumpulan Syiah telah memohon beberapa perkara dari Kerajaan Malaysia antaranya adalah

menghilangkan status sesat sebagaimana diputuskan oleh Jabatan-jabatan agama, dan menarik kembali fatwa pengharaman Syiah oleh Muzakarah Fatwa Kebangsaan (*Al-Ahkam.net*, 3 Mei 2012). Sehubungan itu, timbul persoalan di sini, iaitu adakah fahaman Syiah memberi kesan terhadap nilai-nilai teras negara dan seterusnya mengancam keselamatan Negara Malaysia. Oleh yang demikian, kajian ini akan membincangkan mengenai implikasi dan sekuritisasi fahaman Syiah terhadap nilai teras negara seterusnya menganalisis bagaimana ia memberi ancaman terhadap keselamatan negara Malaysia.

Dunia pernah digemparkan dengan satu peristiwa besar pada penghujung tahun 1970-an iaitu Revolusi Iran 1979. Revolusi Iran bukan sahaja telah mengubah struktur domestik Iran dari sebuah negara berdasarkan sistem monarki kepada sebuah kerajaan Republik Islam (Abrahamian, 1979:4), namun peristiwa ini turut memberi kesan terhadap keselamatan dan geopolitik Timur Tengah terutama dari sisi hubungan Saudi dan Iran (Keynoush, 2016:16). Sehingga hari ini, Revolusi Iran yang telah pun berusia 38 tahun, masih lagi dibicarakan sama ada dalam kalangan ahli akademik, ahli politik mahupun negarawan (Amin Saikal, 2016:1). Konteks perbincangan yang diketengahkan oleh kebanyakan pengkaji adalah berkisarkan kepada keunikan revolusi berkenaan, iaitu bagaimana sebuah revolusi yang bersandarkan atas nama agama, berjaya melibatkan penglibatan semua pihak bermula dari golongan petani, penjawat awam mahupun swasta, mahasiswa, ahli-ahli akademik, golongan profesional seperti doktor dan peguam sehinggalah kepada golongan agamawan dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan yang bersatu menjatuhkan sebuah kerajaan Monarki Shah Iran. Semakin unik, revolusi ini berjaya tanpa sebarang bantuan persenjataan dari pihak tentera (Skocpol, 1982: 267).

Justeru, memahami Revolusi Iran ini adalah penting untuk memahami perubahan landskap bukan sahaja di Timur Tengah malahan di seluruh dunia Islam khususnya negara-negara yang memiliki konflik di antara fahaman Sunni dan Syiah (Zahedi Dariush, 2001). Pada zaman awal Islam, perkataan Syiah merujuk kepada penyokong bagi kumpulan-kumpulan yang bertelagah dalam perkara-perkara yang berhubung dengan siasah atau pengurusan negara. Namun penggunaan ini berkembang dari segi terminologi iaitu satu aliran dalam Islam yang meyakini bahawa Ali bin Ab Thalib radiallahuanhu (r.a.) dan keturunannya adalah Imam-Imam atau para pemimpin agama selepas Nabi Muhammad SAW (Kamaluddin, 2014:18).

Pasca Revolusi Iran memperlihatkan fahaman Syiah mula tersebar luas ke negara-negara Islam bukan sahaja di Timur Tengah malahan turut ke Rantau Asia. Mohd Haidhar et al. (2016), telah menulis wacana berkaitan sejarah perkembangan Islam di Nusantara. Perbincangan beliau tertumpu pada perdebatan mengenai fahaman manakah terlebih awal tiba dan menjadi pegangan kepada masyarakat Nusantara sama ada Syiah ataupun Sunni. Dapatkan kajian beliau di analisis melalui dominasi pemikiran ulama-ulama Nusantara berdasarkan kepada indikator seperti silibus pengajaran yang terkandung dalam konteks akidah dan fiqh. Menurut Mohd Haidhar et al. (2016), penghujahan bahawa Islam telah tiba di Nusantara ini disepakati oleh kebanyakan sarjana. Namun perdebatan hanya tertumpu pada fahaman manakah yang lebih awal sama ada Syiah ataupun Sunni. Bagi Mohd Haidhar, Penulisan ini penting untuk menjawab penulisan seperti Mahayudin Yahya, A.Hasjmy dan M. Yunus Jamil yang menegaskan bahawa aliran Islam terawal yang tiba di Nusantara adalah dari fahaman Syiah. Hujah ini berasaskan kepada andaian ketibaan masyarakat Syiah ke Nusantara adalah berpunca dari penentangan Gabenor Bani Umayyah, serta kedatangan rombongan pendakwah Syiah terdiri dari bangsa Arab, Parsi dan India Muslim ke Perlak. Namun bagi Mohd Haidhar et al. (2016) kesemua dapatkan kajian menjurus kepada Sunni sebagai fahaman dan anutan terawal di terima oleh masyarakat Nusantara berdasarkan kepada

amalan fiqh syafie, dan penerimaan karya-karya penulisan ulama-ulama sunni seperti karya Sheikh Abdullah Arif (ulama Sunni) pada abad ke 16 (Mohd Haidhar et al. 2016: 94-95, 102).

Seterusnya, Mohd Aizam (2013) telah mengulas mengenai kemasukan fahaman Syiah ke Malaysia yang bermula selepas Revolusi Iran tahun 1979. Bagi penulis kehadiran fahaman Syiah ke negara ini mencetuskan kebimbangan apabila ia membawa ajaran akidah yang bertentangan dengan ajaran Sunni yang telah sedia lama di amalkan. Perkara ini diperincikan melalui beberapa siri perdebatan antara penulis dengan kumpulan Syiah yang bertempat di Melaka, Selangor, Johor dan lain-lain negeri. Dalam penulisan ini, penulis menyatakan fahaman Syiah boleh mengganggu keharmonian Islam di negara ini dengan menyebarkan ajaran yang tidak bertepatan dengan Al-Quran dan As-Sunah (Mohd Aizam, 2013:36,72). Walau bagaimanapun, penulisan penulis kebanyakannya berkisar kepada ancaman Syiah dan akidah umat Islam di Malaysia tanpa memberi penekanan di manakah ancaman Syiah terhadap keselamatan negara di Malaysia. Bagi Wan Zahidi (2013) pula, beliau telah menyoroti perkembangan gelombang Syiah di Malaysia yang berkembang selepas berlakunya peristiwa penaklukan Iraq oleh Amerika Syarikat dan pasca perang Hizbullah-Israel di Lubnan. Pengaruh kumpulan ini digerakkan melalui beberapa cara seperti pengedaran bahan bacaan, perseorangan yang kembali dari berkunjung ke Iran atau individu yang berasal dari Iraq. Selain itu penyebaran fahaman kumpulan ini juga disebarluaskan melalui medium akademik oleh pensyarah universiti tempatan kepada para pelajar di Institut Pengajian Tinggi. Bagi Wan Zahidi, fahaman Syiah adalah ancaman kepada akidah umat Islam di Malaysia yang berpegang dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah (Wan Zahidi, 2013).

Sebagai rumusannya, fahaman Syiah dan keselamatan negara ini boleh dibahagikan kepada dua iaitu kejayaan Revolusi Iran pada tahun 1979 dan bermulanya sebaran secara meluas fahaman Syiah ke negara-negara Islam. Kedua, kebanyakannya sorotan kajian mengenai fahaman Syiah di Malaysia hanya menerangkan tentang penyelewengan akidah dan syariat oleh kumpulan Syiah. Namun analisisnya tidak merangkumi aspek ancaman kepada keselamatan negara secara komprehensif. Kalau ada pun perkara ini hanya disentuh secara asas sahaja.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini mengetengahkan metod pendekatan kualitatif berdasarkan kepada sumber primer dan sekunder. Dapatkan data sumber primer adalah berdasarkan kepada kaedah temu bual melibatkan informan dari Cawangan Khas, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), dan ahli akademik dari Institusi Pengajian Tinggi Awam dalam negara. Manakala bagi sumber sekunder, bahan adalah berdasarkan kepada analisis dokumen. Bahan bagi sumber sekunder adalah dari bahan-bahan kajian empirik bercetak terbitan dalam negara dan luar negara yang menggunakan bahasa Malaysia, Inggeris dan Arab; monograf, artikel jurnal akademik yang berwaspada dan bertauliah; kertas-kertas seminar tempatan dan antarabangsa yang terkini dan serta laman-laman sesawang yang berautoritatif berkaitan dengan topik yang dikaji. Selain itu, bagi memperkayakan lagi kajian ini, penyelidik memanfaatkan sepenuhnya beberapa perpustakaan yang terdapat di Malaysia. Pemilihan setiap perpustakaan ini tidak dibuat secara rawak, tetapi dipilih secara selektif. Antaranya Perpustakaan Tun Seri Lanang UKM yang merupakan antara perpustakaan terbesar dari segi koleksi bacaan di Malaysia; Perpustakaan Kementerian Dalam

Negeri yang mempunyai bahan-bahan bercetak yang agak terhad dan bertaraf sulit; dan Pusat Sumber Majlis Keselamatan Negara yang menyimpan dokumen-dokumen rasmi berkaitan isu-isu keselamatan negara.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Sejarah bertapaknya Syiah di Malaysia tidak disepakati oleh para sarjana. Namun hampir kesemua bersetuju kemasukan Syiah secara meluas ke negara ini adalah selepas tercetusnya Revolusi Iran pada tahun 1979 di bawah pimpinan Ayatollah Al-Khomeini selepas menumbangkan Dinasti Pahlavi (Mohd Aizam, 2013; Wan Zahidi, 2013). Slogan perpaduan Sunni-Syiah di Malaysia yang dicanangkan atas hujah bertuhankan tuhan yang sama, berkiblatkan pada satu kiblat yang sama dan berpandukan pada satu nabi yang sama sering dicanangkan untuk mendapatkan simpati dari masyarakat Melayu Islam (Ibid, 2013). Pada waktu itu, media Barat cukup hebat memainkan propaganda mengangkat imej Al-Khomeini sebagai pemimpin pembaharuan dunia Islam dengan memberi gambaran beliau adalah pemimpin agama yang hebat serta perlu diikuti oleh semua dunia Islam (Ismaweb.net, 2013). Propaganda ini membawa hasil apabila masyarakat Islam pada waktunya berkenaan dilihat terpengaruh dengan slogan yang dibawa oleh Al-Khomeini dengan menghantar anak-anak untuk belajar di Iran. Selepas Al-Khomeini diangkat menjadi pemerintah, beliau mengambil peluang ini mengajak semua pemimpin dunia termasuk dari Malaysia untuk bertandang ke Tehran terutama pemimpin-pemimpin parti politik yang dominan memerintah negara dan pertubuhan-pertubuhan berlatar belakangkan Islam untuk bertemu dengannya. Apabila rakyat Malaysia dan pelajar-pelajar dari rumpun Nusantara ini kembali dari belajar di Iran, mereka turut membawa fahaman Syiah ke Malaysia. Menurut Wan Zahidi, fahaman Syiah adalah ancaman kepada akidah umat Islam di Malaysia yang berpegang dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah (Wan Zahidi, 2013). Dari kajian yang dilakukan, berikut merupakan dapatan awal berhubung implikasi fahaman Syiah terhadap nilai teras negara dan keselamatan Malaysia.

Pertama, penyebaran fahaman Syiah ke Malaysia menimbulkan kegusaran dalam kalangan masyarakat Islam. Perbezaan fahaman yang wujud di antara dua fahaman ini membuka ruang yang luas dalam bertelahah dan berbeza pandangan. Hampir tidak wujud ruang untuk diserasikan di antara dua fahaman ini kerana perbezaan melibatkan kepercayaan dan pegangan dalam fahaman masing-masing. Sebagai contoh, bagi masyarakat Syiah, tidak semua Sahabat Rasulullah S.A.W. adalah bersikap *adil* (*adil* yang dimaksudkan adalah beriman, dan boleh dipercayai). Hanya beberapa orang sahaja dari mereka yang diiktiraf oleh Syiah sebagai Sahabat Nabi seperti Abu Dzar, Salman, Al-Miqdad dan Zubair (Muhammad Abdul Sattar 2012:18). Manakala bagi Sunni, semua Sahabat Nabi adalah *adil* dan menjadi pembantu kepada Rasulullah dalam menegakkan Islam. Selain itu, dalam kepercayaan Syiah, Abu Bakar, Umar dan Uthman dianggap sebagai berhala dan ditolak dalam spektrum kepercayaan mereka, bahkan isteri Rasulullah iaitu Aishah dianggap sebagai sejahat-jahat manusia (2012:7). Hal ini berbeza dengan pegangan Sunni, di mana Abu Bakar, Umar, Uthman malahan juga Ali telah disebut oleh Rasulullah S.A.W. sebagai pemimpin dan manusia yang bertakwa dan sahabat yang menjadi ikutan selepasnya.

Berdasarkan temu bual bersama Encik Nor Faisal bin Mohd Leman, Bahagian Pengukuasaan, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) pada 20 April 2018 bertempat di Bahagian Pengukuasaan, Jabatan Agama Islam Selangor, perkembangan dan penyebaran Syiah ini digerakkan melalui beberapa cara seperti pengedaran bahan bacaan, dan individu

perseorangan yang kembali dari Iran atau Iraq selepas menamatkan pembelajaran di sana. Selain itu penyebaran fahaman kumpulan ini juga disebarluaskan melalui medium akademik oleh pensyarah universiti tempatan kepada para pelajar di IPTA (Temu bual bersama Nor Faisal Mohd Leman, JAIS, pada 20 April 2018). Perkara ini turut disuarakan oleh pihak PDRM dalam satu temu bual bersama Cawangan Khas, PDRM (2018) pada 11 April 2018 di Kuala Lumpur;

“Sungguhpun umat Islam di Malaysia majoritinya berfahaman Sunni dan menolak sepenuhnya Syiah, namun setakat ini belum ada laporan berkaitan perbalahan Sunni-Syiah di negara ini. Cuma yang ada hanyalah bantahan secara aman dan laporan polis oleh orang ramai yang tidak berpuas hati dengan aktiviti Syiah di kawasan mereka. Selain itu, keharmonian agama Islam juga dikhawatir apabila paling banyak dikesan adalah ‘perang mulut’ antara pengikut Sunni-Syiah dan ini dikesan berlaku di ruangan media sosial yang berlaku secara spontan dan tidak berpanjangan. Selain itu antara tindakan provokasi yang dipercayai dilakukan oleh seorang lelaki yang dipercayai Syiah adalah semasa majlis “Siapa Syiah?” disampaikan oleh Ustaz Nasim Abdul Rauf di Masjid Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang pada 15 Jun 2012”

(Temu bual bersama Cawangan Khas, PDRM pada 11 April 2018).

Meskipun masyarakat Islam di Malaysia yang berfahaman Sunni merasa sensitif dengan kehadiran fahaman Syiah. Namun, masyarakat masih merasakan kedudukan mereka belum lagi tergugat dengan kewujudmenyakian Syiah. Ini kerana Syiah masih dikategorikan sebagai kumpulan minoriti dan tidak mampu memberikan implikasi keselamatan yang besar. Kejayaan Malaysia mewujudkan elemen pengekangan terhadap fahaman ini seperti penfatwaan pengharaman Syiah oleh Muzakarah Fatwa Kebangsaan pada tahun 1996. Penfatwaan ini adalah selaras dengan percanggahan yang di dapati dalam fahaman Syiah berbanding fahaman Sunni.

Malaysia telah menyatakan pendirian tegas berhubung pengamalan agama Islam iaitu hanya akidah Ahlus Sunah Wal Jemaah sahaja yang menjadi pegangan umat Islam di negara ini. Mana-mana ajaran yang bercanggah dengan fahaman dan amalan Ahlus Sunah Wal Jemaah akan di larang dan disekat penyebarannya dalam kalangan umat Islam (Mohd Aizam, 2013). Antara perbezaan fahaman yang menjadi pegangan masyarakat Syiah adalah seperti mempercayai bahawa khalifah pengganti kepada Baginda Rasulullah saw iaitu Sayidina Ali bin Abi Talib telah diwasiatkan secara nas oleh Allah swt, meyakini bahawa Imam-Imam mereka adalah maksum iaitu terpelihara daripada dosa, penyanjungnan yang berlebihan ke atas Sayidina Ali bin Abi Talib sehingga disamatatarafkan dengan Rasulullah saw, mengkafirkan para sahabat dengan menyatakan semuanya telah murtad kecuali Ahlu Bait dan empat orang sahabat sahaja (Abu Dzar, Miqdad bin Aswad, Salman al-Farisi dan Ammar), menuduh Abu Bakar, Umar, Uthman dan Muawiyah sebagai berhala Quraisy dan lain-lain (Kamaluddin, 2014; Mohd Aizam, 2013, Shah Abdul Aziz al-Dahlawi, 1992).

Perkara ini menimbulkan kegusaran dalam kalangan masyarakat Islam Malaysia. Sekiranya fahaman Syiah tidak segera dikekang ia mungkin menjadi satu pertembungan antara masyarakat Sunni dan Syiah di Malaysia yang diketahui umum mempunyai sikap yang amat sensitif terhadap isu-isu melibatkan kesucian agama Islam (Temu bual bersama Kamaluddin pada 5 Februari 2018). Perkara ini juga harus dilihat dari sisi pendekatan konsep

keselamatan negara sebagai suatu yang akan menggugat nilai teras negara sedia ada iaitu keharmonian agama Islam dan perpaduan rakyat yang beragama Islam di Malaysia.

Kedua, usaha membendung fahaman Syiah giat dilakukan sama ada oleh agensi keselamatan mahupun pihak berkuasa agama. Sebagai salah satu elemen dalam nilai teras negara, isu melibatkan agama sangat sensitif di Malaysia apatah lagi apabila ia melibatkan agama Islam. Majlis Keselamatan Negara melalui Dasar Keselamatan Negara (2017) menjelaskan keselamatan adalah payung utama dalam memastikan kesejahteraan rakyat dan negara. Sebagai sebuah negara berbilang kaum dan mengamalkan sistem pentadbiran berasaskan kepada Demokrasi Berparlimen dan Raja Berpelembagaan, Malaysia perlu sentiasa memastikan nilai-nilai teras seperti kesepaduan rakyat, keutuhan wilayah, kerajaan yang stabil dan kedaulatan serta pengiktirafan antarabangsa terus terjamin (Majlis Keselamatan Negara 2017:1). Sehubungan itu, isu-isu yang menyentuh sensitiviti kaum, etnik, agama, kepercayaan dan budaya perlu disekat dari tersebar khususnya di media sosial (ibid 2017:7). Dalam Nilai Teras Negara kedua iaitu kestabilan sosio-politik, setiap orang perlu mengembeling tenaga bersama bagi memastikan prinsip suasana aman dan harmoni dihormati dan dijunjung oleh semua rakyat Malaysia (ibid 2017:16). Sekiranya pertembungan antara fahaman Sunni dan Syiah ini tidak diuruskan dengan baik di dalam negara, ia tentu akan menjadi satu ancaman terhadap keharmonian dan keselamatan negara.

Zabidi (2003) telah menganalisis mengenai Malaysia dan pengalaman ketika berhadapan dengan kumpulan Al-Arqam. Malaysia pernah digegarkan dengan isu ancaman kumpulan Al-Arqam di bawah pimpinan Ashaari Muhammad pada tahun 1994 sehingga pemimpin agama berkenaan ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 atau ISA. Terakhir beliau dikenakan tahanan rumah sehingga Ashaari menghembuskan nafas pada tahun 2010. Perkara ini menunjukkan bahawa isu agama berkecenderungan menjadi ancaman kepada keselamatan negara.

Selain itu, Malaysia juga pernah digemparkan dengan satu tindakan dari kumpulan Militan Islam yang cuba menggulingkan kerajaan. Kumpulan berkenaan adalah kumpulan Al-Maunah yang diketuai Mohd. Amin Mohd. Razali. Peristiwa ini menggemparkan negara setelah kumpulan itu merampas senjata milik Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di Kem Batalion 304 Rejimen Askar Wataniah di Gerik, Perak. Kumpulan tersebut telah mengorbankan tiga anggota keselamatan yang menjadi tebusan ketika mereka dikepung di Bukit Jenalik, Sauk. Peristiwa serangan Al-Maunah ini menunjukkan bahawa, isu-isu keagamaan mampu bertukar menjadi isu yang mengancam keselamatan negara (Zul'Azmi & Ahmad Sunawari, 2015).

Sehingga kini (tahun 2018), fatwa berkenaan pengharaman Syiah telah wartakan ke 13 negeri di seluruh negara kecuali Sarawak seperti di Jadual 2 berikut:

Jadual 2: Pewartaan pengharaman Syiah di negeri-negeri sehingga 2017

Bil.	Negeri	No. Warta	Tarikh Warta
1	Kelantan	No. 1, Jilid 50	2 Jan 1997
2	Pulau Pinang	PG. PU 1	16 Jan 1997 (pindaan Sep 2012)
3	WP Kuala Lumpur	PU (B) 106	30 Jan 1997
4	Melaka	M.PU 5 , M.P.U. 14.	24 Jul 1997, 24 Sep 2015
5	Terengganu	PUN TR. (1110)	25 Sep 1997
6	Negeri Sembilan	NS PU 5	27 Feb 1998
7	Selangor	PU 10	24 Sep 1998
8	Kedah	No. 4, Jilid 41	18 Feb 1999

9	Johor	Jil. 56 No.4	16 Feb 2012
10	Perak	PU. Pk. 07/2001	1 Mac 2012
11	Perlis	-	7 Ogos 2012
12	Pahang	-	12 Sep 2013
13	Sabah	Jil. LXXII No. 35	7 Sep 2017


Sumber: Polis Diraja Malaysia (2018)

Berdasarkan Jadual 2, hampir kesemua negeri telah mewartakan pengfatwaan pengharaman fahaman Syiah. Boleh dikatakan, pewartaan ini adalah sebahagian dari elemen sekuritisasi berasaskan kepada pendekatan konsep keselamatan negara. Sekuritisasi adalah jalur pemikiran yang telah diperkenalkan oleh sarjana keselamatan seperti Barry Buzan, Ole Weaver dan Jaap de Wilde dalam membangunkan idea mengenai proses sekuritisasi atau proses penyelamatan. Pada asasnya, apabila sesuatu isu dikemukakan sebagai isu yang menimbul ancaman kepada kewujudan sesuatu objek sasaran, maka isu itu mula mencapai dimensi keselamatan. Keadaan ini adalah proses pertama dalam sekuritisasi, apa bila pelaku penyelamatan berjaya meyakinkan audiens atau kumpulan sasaran bahawa kewujudan objek sasaran itu terancam, maka proses sekuritisasi tersebut menjadi lengkap (Rashila 2018:16). Sehubungan itu, kajian mendapati bahawa isu mengenai fahaman Syiah di dalam negara ini sebenarnya telah dibincangkan dalam fasa sekuritisasi walaupun ia masih belum diangkat menjadi isu keselamatan negara. Elemen ini boleh didapati dari ucapan-ucapan pemimpin-pemimpin negara, keputusan tertinggi kerajaan dan juga pemutusan pengharaman Syiah melalui Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan.

Menurut Cawangan Khas, PDRM (2018) dan Bahagian Pengukuhan, JAIS (2018), walaupun Kerajaan telah memfatwakan pengharaman Syiah melalui Muzakarah Fatwa Kebangsaan (MFK), namun setiap tahun masih terdapat penangkapan melibatkan pengikut fahaman Syiah yang menganjurkan sebarang aktiviti yang bercanggah dengan Ahli Sunah Wal Jemaah. Selain itu terdapat juga penglibatan warganegara asing menjalankan aktiviti berkaitan fahaman Syiah seperti di Selangor, Johor, Perak dan Melaka. Pengesahan ini di buat melalui statistik penangkapan mereka yang terlibat dengan fahaman Syiah di dalam negara khususnya ketika meraikan hari-hari kebesaran Syiah seperti Hari Ashura pada 10 Muharram, Meratapi Kematian Sayidina Hussein dan sebagaimananya.

Menurut Statistik yang dikeluarkan oleh pihak Cawangan Khas, PDRM (2018), dari tahun 2010 sehingga 2017 (lapan tahun operasi), seramai 803 orang telah ditahan dalam serbuan bersepadu melibatkan lima buah negeri iaitu di Selangor, Pahang, Johor, Perak dan Melaka. Tangkapan tersebut sama ada melibatkan warganegara Malaysia mahupun warganegara asing. Statistik adalah seperti di Graf 1 berikut:

Graf 1: Tangkapan Penganut Syiah Seluruh Negara Dari Tahun 2010-2017.



Sumber: Cawangan Khas, Polis Diraja Malaysia, 2018

Dari Graf 1 di atas, statistik menunjukkan mengenai operasi bersepadu yang diadakan antara Jabatan Agama Islam dan PDRM bermula dari tahun 2010 hingga 2017. Dari 803 orang yang ditahan 759 orang adalah warganegara Malaysia dan 44 daripadanya adalah warganegara asing dan kebanyakannya adalah warganegara Pakistan, Iraq dan Bahrain. Negeri Selangor mencatatkan jumlah tangkapan tertinggi iaitu sebanyak 630 orang, diikuti dengan Perak 120 orang, 30 di Melaka, 22 di Johor dan 1 di Pahang.


Tangkapan tertinggi di Selangor adalah suatu perkara yang tidak memerlukan jatkan. Ini dapat dianalisis dari dua elemen seperti berikut, pertama, Selangor boleh disifatkan sebagai pinggir Lembah Klang (Kuala Lumpur). Lokasi Selangor yang terletak berhampiran dengan ibu negara Malaysia iaitu Kuala Lumpur menjadikan negeri ini kerap dijadikan sasaran sebagai lokasi penyebaran ajaran agama bukan sahaja Syiah, malahan ajaran-ajaran sesat yang lain. Sehingga 2017, 39 Ajaran sesat dikenal pasti dan dilaporkan wujud di Selangor sebagaimana pelaporan yang dijelaskan dalam Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor. Dari jumlah berkenaan 19 daripadanya dikesan masih bergerak aktif dan tiga daripadanya disifatkan mampu mengancam ketenteraman awam kepada negara iaitu fahaman Syiah, ajaran Millah Abraham dan kumpulan Militan Daesh (Ahmad Yunus 2017, 7 November).

Kedua, Selangor merupakan antara lokasi paling banyak menempatkan pusat-pusat pengajian tinggi awam (IPTA) mahupun swasta (IPTS). Kewujudan institusi-institusi pengajian ini menyemarakkan lagi aktiviti penyebaran fahaman Syiah dalam kalangan pelajar dan pensyarah universiti. Melalui temu bual bersama pihak Polis Diraja Malaysia pada 11 April 2018, usaha pengembangan fahaman Syiah turut berlaku melalui usaha-usaha pengedaran bahan penerbitan buku berunsur Syiah yang di letakkan di tempat-tempat strategik seperti di perpustakaan, universiti-universiti dan di masjid-masjid. Bahkan sekitar tahun 2013, pernah dikesan terdapat iklan-iklan yang di tampil di papan-papan kenyataan di dalam IPTA sekitar Lembah Klang mengenai tawaran untuk belajar dan memahami ajaran Syiah yang betul serta disandarkan kepada Mazhab Jaafariyyah (Temu bual bersama Cawangan Khas, PDRM pada 11 April 2018). Graf di bawah merupakan statistik penuh tangkapan pihak PDRM dalam operasi bersama Jabatan Agama berhubung fahaman Syiah di seluruh negara:

Graf 2 di bawah menunjukkan tangkapan yang dibuat oleh PDRM bersama Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) bermula dari tahun 2010 sehingga tahun 2017. Dalam tempoh lapan tahun operasi bersepadu membanteras fahaman Syiah yang dilakukan oleh pelbagai agensi dan kluster, tiada satu trend sekata boleh didapati. Ada ketikanya penangkapan dilihat meningkat dan ada ketikanya, tangkapan menurun. Namun yang agak membimbangkan penglibatan warga asing yang turut di tahan dalam operasi tersebut. Ini memperlihatkan

terdapat usaha dan penglibatan warga asing dalam menghidupkan fahaman Syiah dalam negara (Temu bual bersama Cawangan Khas, PDRM pada 11 April 2018).

Graf 2: Jumlah Tangkapan Penganut Syiah Seluruh Negara, 2010-2017



Sumber: Polis Diraja Malaysia, 2018.

Sebagai contoh, seramai 114 orang penganut Syiah telah ditahan dalam satu serbuan di Hutan Simpan Bintang Hijau di Gerik, Perak pada tahun 2014. Dalam serbuan tersebut, 54 orang lelaki, 28 orang wanita, 32 kanak-kanak telah ditahan ketika meraikan satu majlis berunsurkan fahaman Syiah di dalam sebuah rumah. Dalam operasi tersebut, seramai 8 orang warga asing turut di tahan melibatkan 3 orang dari Thailand, seorang dari Myanmar, seorang dari Pakistan dan seorang dari Indonesia. Serbuan ini terbongkar apabila terdapat salah seorang dari pengikut fahaman berkenaan membuat laporan polis agar menghalang Jabatan Agama Islam perak dari mengganggu majlis yang mereka adakan. Menurut Ahmad Nizam Amiruddin, Ketua Penguat kuasa Agama Perak, tangkapan pengikut Syiah berkenaan adalah yang paling ramai pernah ditahan dalam dua operasi sebelum ini (*Malaysia-today.net*, 10 Mac 2014).

Tindakan dari agensi keselamatan dan agensi agama ini memberikan dua analisis. Pertama, tindakan dari agensi seperti Jabatan Agama Islam Negeri dan pihak berkuasa keselamatan seperti PDRM menjelaskan terdapat pencabulan dalam lunas undang-undang negara sedia ada. Pencabulan ini adalah bertentangan dengan nilai teras negara sedia ada. Bagi Malaysia, agama Islam adalah salah satu nilai teras negara yang perlu dipertahankan. Penetapan Malaysia sebagai sebuah negara majoriti umat Islam yang hanya berpegang dengan fahaman Ahlus Sunah Wal Jemaah perlu dihormati oleh semua pihak sama ada warganegara mahupun warga asing. Kedua, operasi dari dua kluster agensi ini menunjukkan terdapat elemen-elemen mempertahankan ketenteraman dan keamanan negara. Walaupun sehingga kini, kajian hanya menjelaskan bahawa kegagalan mengekang fahaman Syiah hanyalah memberi kesan terhadap keharmonian dan akidah masyarakat Islam Malaysia,

namun, sejarah menunjukkan bahawa isu-isu agama mampu berkembang menjadi isu keselamatan sekiranya ia gagal di kesan dari awal.

Analisis ketiga adalah dari konteks hubungan luar Malaysia dan Iran. Tidak dapat dinafikan bahawa isu pengharaman Syiah ini sebenarnya menjadi “duri dalam daging” bagi hubungan dua hala antara Malaysia dan Iran. Setiap dasar dan polisi yang diputuskan oleh Kerajaan Malaysia memerlukan kepada penelitian terhadap kesan-kesan yang akan timbul dari hubungan dua hala dengan Iran sebagai rakan ekonomi, rakan dagang dan rakan sosial. Bagi Malaysia, Iran adalah rakan dagangan ketiga terbesar di Rantau Timur Tengah selepas UAE dan Saudi. Berdasarkan dari peratusan dagangan yang direkodkan pada tahun 2010, Malaysia memperoleh hasil sebanyak 38.4% dari UAE, Saudi (20.3%), Iran (20%) , Oman (6.7%), dan Kuwait (5.4%). Manakala nilai dagangan yang dicatatkan dalam Ringgit Malaysia (RM) pada tahun 2012 adalah RM4.58 billion iaitu RM3.52 billion menerusi nilai eksport dan RM1.06 billion untuk import. Aktiviti perdagangan kedua negara ini melibatkan aktiviti eksport minyak kelapa sawit, getah, bahan kimia dan hasil perkayuan. Manakala bagi Malaysia, aktiviti import yang paling besar adalah melibatkan bahan petroleum. Justeru, dengan nilai perdagangan sebesar ini, amat penting bagi Malaysia menguruskan isu pengharaman Syiah ini dengan baik dan bijaksana. Pada tahun 2013, YAB Perdana Menteri Malaysia juga telah menjelaskan bahawa isu ini adalah satu isu domestik dan ia akan ditangani secara dalaman menerusi badan-badan berautoriti bagi memastikan ia tidak menjelaskan kewujudan 80,000 rakyat Iran sedia ada ditambah dengan 15,000 pelajar dari Iran yang bertebaran di seluruh IPTA/IPTS dan negara (Asmady & Remali 2015:131).

Secara keseluruhannya, walaupun isu fahaman Syiah ini amat sensitif antara Kerajaan Malaysia dan Iran, namun ia sesekali tidak menggoyahkan hubungan luar kedua negara ini. Pada tahun 2017, perdagangan bilateral antara Iran dan Malaysia dijangka mencatatkan peningkatan sebanyak 2 billion USD. Hal ini dijelaskan oleh Mahmoud Vaezi iaitu Menteri Komunikasi dan Informasi Teknologi Iran ketika bertemu dengan Mustapa Mohamed selaku Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI). Sebelum perjanjian di meterai, kerjasama secara bilateral antara kedua negara ini dalam bidang teknologi dan pembangunan telah pun mencapai hampir 700 juta. Justeru, dengan terlaksananya perjanjian baharu ini, peningkatan dianggarkan akan meningkat sebanyak tiga kali ganda (*Iran Daily* 2017, 7 Jun). Vaezi menjelaskan hubungan baik antara Iran dan Malaysia ini turut diterjemahkan melalui kebenaran dua syarikat minyak dari Malaysia untuk mengkaji industri petroleum di dua lapangan di Iran. Kebenaran menjalankan kajian mengenai industri petroleum dan juga peningkatan hubungan bilateral yang baik ini mempunyai perkaitan yang rapat dengan lawatan Presiden Hassan Rouhani ke Kuala Lumpur pada Oktober 2016. Lawatan Rouhani ke negara-negara Asia termasuk Malaysia disebut sebagai tali pengukuh hubungan kedua negara ini. Melalui lawatan Rouhani ini juga, kerjasama antara Malaysia – Iran naik sebanyak 40% dalam beberapa industri seperti petroleum, perdagangan dan juga perbankan (*ibid* 2017, 7 Jun). Hubungan kedua negara ini adalah petunjuk jelas sebagaimana yang dijelaskan oleh konstruktivisme bahawa konstruk sosial adalah elemen terpenting untuk menjayakan apa jua dasar dan perencanaan negara. Dalam hal ini, walaupun Malaysia menjadi satu-satunya negara yang mengharamkan fahaman Syiah secara bertulis dan dimaktubkan dalam beberapa enakmen Islam negeri, namun ia tidak sesekali menggoyahkan hubungan Malaysia di peringkat antarabangsa bersama Iran.

KESIMPULAN

Malaysia kini sedang menuju ke arah negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Dalam usaha menjadi sebuah negara maju di persada dunia pada era globalisasi ini, nilai-nilai teras negara perlu dipertahankan bagi mengekalkan keamanan dan ketenteraman awam. Antara nilai teras yang perlu dipertahankan adalah keharmonian agama Islam dalam kalangan masyarakat Islam dengan pengekalan Ahli Sunah Wal Jemaah sebagai pegangan utama. Perbezaan fahaman yang diketengahkan oleh Syiah sukar memperlihatkan titik pertemuan antara masyarakat Sunni dan Syiah di Malaysia. Justeru perbezaan ini perlu diuruskan sebaiknya agar tidak wujud sebarang provokasi serta kekacauan yang boleh menggugat keselamatan negara. Penyebaran fahaman Syiah ke negara ini di lihat bukan sahaja memecah-belahkan persefahaman masyarakat Islam Malaysia, namun ia turut mengganggu keharmonian umat Islam di negara ini yang berpegang teguh dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Kemasukan fahaman ini juga menyebabkan berlakunya ketidakstabilan perpaduan dalam kalangan rakyat khususnya yang beragama Islam. Justeru, kajian awal mendapati pertembungan ini gagal diuruskan dari awal, ia dikhawatir mampu mencetuskan kekacauan dalam kalangan perpaduan masyarakat Islam Malaysia dan seterusnya mengarah kepada ancaman berbentuk tidak tradisional kepada negara.

RUJUKAN

- Astroawani.com., (2015). <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpn-pendedahan-syiah-untuk-keselamatan-negara-26881/>. Tarikh capaian: 10 Mei 2018.
- Al-Ahkam.net., (2012). <http://www.al-ahkam.net/home/content/memorandum-syiah-malaysia-kepada-dymm-ydp-agong>. Tarikh capaian: 10 Mei 2018.
- Amin Saikal., (2016). Iranian-Saudi Relations in a Changing Regional Environment Dalam Amin Saikal (pynt.), *The Arab World and Iran a Turbulent Region in Transition*. New York: Palgrave Macmillan.
- Asmady Idris & Remali Yusoff., (2015). Malaysia's Contemporary Political and Economic Relations with Iran. *International Relations and Diplomacy*, February, Vol. 3, No. 2, hlm. 123-133.
- Ahmad Yunus Hairi., (2017). 39 Ajaran Sesat dikesan di Selangor, 19 masih aktif. MStar. <http://www.mstar.com.my/berita/berita-semasa/2017/11/07/ajaran-sesat-selangor/> Tarikh capaian: 10 Mei 2018.
- Abrahamian, Ervand., (1979). Iran in Revolution. The Opposition Forces *Middle East Research and Information Project, Inc.* (MERIP), MERIP Report, No. 75/76, hlm. 3-8.
- Al-Mashat, A.M., (1985). *National Security in the Third World*. Boulder & London; Westview
- Baranovsky, Vladimir G., (1992). Fundamental Changes in Soviet Perceptions on Security. Dlm. Laszlo Valki (eds.) *Changing Threat Perceptions and Military Doctrines*, hlm. 44-60. New York: Palgrave Macmillan.
- Che Mohd Azizi Yaacob., (2013). Aggressive Conflict in Southern Thailand: Roots of Hostility and Aggression. *Jebat: Malaysia Journal of History, Politics & Strategic Studies*, Vol 4, (2), (Disember 2013), hlm. 24-43.

- CFR-Council on Foreign Relations. The Sunni-Shia Divide. February, (2016). <https://www.cfr.org/interactives/sunni-shia-divide#!/sunni-shia-divide>. Tarikh capaian: 10 Mei 2018.
- Dasar Keselamatan Negara., (2017). Majlis Keselamatan Negara: Dasar Keselamatan Negara-Demi Negaraku. Kuala Lumpur: Enthral Art Design Enterprise
- Hashemi, Nader & Postel, Danny, (2017), Introduction The Sectarianization Thesis Dalam Nader Hashemi & Danny Postel (Eds.) *Sectarianization Mapping nthe New Politics of the Middle East*. New York: Oxford University Press.
- Ismaweb.net., (2015). <http://2013/07/gerakan-syiah-boleh-gugat-ketenteraman/>. Tarikh capaian: 10 Mei 2018.
- Iran Daily*., (2017). 7 Jun. Minister: Iran-Malaysia trade to go beyond S2b. Retrieved from <http://wwwiran-daily.com/News/194298.html> Tarikh capaian: 10 Mei 2018.
- Jabatan Perangkaan Malaysia., (2014). <https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/pdfPrev&id=VUdaQ2tVVjcwTEFUVWp5aTVQbjV1UT09> Tarikh capaian: 10 Mei 2018.
- Jones, T.C., (2006). Rebellion on The Saudi Periphery: Modernity, Marginalization, and the Shia uprising of 1979. *International Journal of Middle East Studies* 38, no. 2 (May), hlm.227–29.
- Kamarulnizam Abdullah., (2012). Hubungan Kaum, Pembinaan Negara Bangsa dan Keselamatan Nasional Malaysia Dalam Kamarulnizam Abdullah (pynt.) *Keselamatan Nasional Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamaluddin Nurdin Marjuni., (2014). *Adakah kawan ku Syiah?* Selangor: PTS Millennia Sdn. Bhd.
- Keynoush, Banafsheh. 2016. *Saudi Arabia and Iran. Friends or Foe?* New York: Palgrave Macmillan.
- Malaysia Today.net., (2014). 114 Pengikut Syiah di Tahan. <http://www.malaysia-today.net/2014/03/10/114-pengikut-syiah-ditahan/> Tarikh capaian: 10 Mei 2018.
- Mohd Nakhaie Ahmad., (2013). *Aqidah dan Cita-Cita Politik Khomainy Berdasarkan Karya-Karyanya*. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Mengenai Syiah anjuran MUAFAKAT, 8 September 2013, Kuala Lumpur.
- Mohammed al-Sulami., (2018). Exporting Iran's Revolution: a pleasant euphemism for regional chaos. Retrieved from <http://english.alarabiya.net/en/views/news/middle-east/2018/03/22/-Exporting-Iran-s-Revolution-A-pleasant-euphemism-for-regional-chaos.html>
- Mohd Aizam bin Mas`od., (2013). *Soal Jawab Isu Syiah di Malaysia*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)
- Mohd Haidhar Kamarzaman et al., (2016). Pengaruh Aliran Ahli Sunah Wal Jemaah Al-Asha'irah Di Nusantara, Analisis Abad ke Tujuh Hingga Dua Puluh Masihi. *Jurnal Penyelidikan Islam*. Bil. 28.2016/1437H. ISSN 1394-4428, hlm. 89-111.
- Mohd Samsuddin Harun & Azmul Fahimi Kamaruzaman., (2011). *Kemunculan Syiah di Alam Melayu:Satu Kajian Awal*. Bangi:Universiti Kebangsaan Malaysia
- Muhammad Abdul Sattar Al-Tunsawi., (2012). *Kebatilan Akidah Syiah dan Menjelaskan Penyelewengan Penganutnya Serta Pembohongan Yang Direka-reka Ke Atas Islam Daripada Sumber Rujukan Utama Mereka. Siri 2 Terj. Jainal Sakiban Al-Jauhari*. Johor Baru: Sekretariat Menangani Isu-Isu Akidah dan Syariah Majlis Agama Islam Negeri Johor

- Nor Azizan Idris & Zarina Othman., (2015). Pendahuluan. Dlm. Zarina Othman dan Nor Azizan Idris. (pynt.) *Migrasi dan Keselamatan*. hlm. xxi-xxxvi. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pew Research Center, (2017.) 9 Ogos. Muslims and Islam: Key findings in the U.S. and around the world <http://www.pewresearch.org/fact-tank/2017/08/09/muslims-and-islam-key-findings-in-the-u-s-and-around-the-world/> Tarikh capaian: 28 Disember 2016.
- Rashila Ramli., (2018). Ke Arah Pembangunan Rantau Damai. Dinamika Asia Tenggara dan Laut China Selatan. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Riki Rahman, Zarina Othman, Kamaruzaman Yusoff & Ruhanas Harun., (2013). Pendekatan Kaunter-Hegemoni Iran di Bawah Kepemimpinan Mahmoud Ahmadinejad (2005-2009) Terhadap Hegemoni Amerika Syarikat di Rantau Asia Barat. *International Journal of West Asian Studies*. Vol. 5, No. 2. hlm. 17-34.
- Sung, E.K & Johannes, U., (2015). Rising regional powers meet the global leader: A strategic analysis of influence competition. *Journal of International Political Science Review*. Vol. 36(2), hlm. 214-234.
- Soage, Ana Belen., (2017). What is really behind the Saudi-Iranian cold war. Opinion Document. *Institute Espanol de Estudios Estrategicos (IEEE)*. h.4. Retrieved from http://www.ieee.es/en/Galerias/fichero/docs_opinion/2017/DIEEO71-2017_Guerra_Fria_ArabiaSaudi-Iran_AnaBelenSoage_ENGLISH.pdf. Tarikh capaian: 10 Mei 2018.
- Sinar Harian., (2013). <http://www.sinarharian.com.my/nasional/kdn-pengikut-syiah-di-malaysia-cecah-250-000-1.190448.5Ogos2013/>. Tarikh capaian: 10 Mei 2018.
- Shah Abdul Aziz Al-Dahlawi., (1992). (terj.) Salahuddin Abdullah. *Ringkasan Syiah Mazhab Imam Dua Belas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Skocpol, T., (1982). Rentier State and Shi'a Islam in the Iranian Revolution. *Theory and Society*. Vol. 11, No. 3 (May), hlm. 265-283.
- Sorli, Mirjam E., Gleditsch, Nils Petter, Strand, Havard., (2005). Why is There So Much Conflict in the Middle East? *Journal pf Conflict Resolution*. Vol. 49. No. 1. February, hlm. 141-165.
- Terrill, W. Andrew., (2012). The Saudi – Iranian Rivalry and the Future of Middle East Security dalam Mackenzie Tyler & Anthony M. Boone (Eds.) *Rivalry in the Middle East Saudi Arabia and Iran*. New York: Nova Publisher. hlm 1-52.
- Temu bual bersama Cawangan Khas, Polis Diraja Malaysia bertempat di Kampung Pandan pada 11 April 2018.
- Temu bual bersama Ustaz Nor Faisal Mohd Leman, Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasaan, bertempat di Aras 8, Bangunan JAIS, Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Agama Islam Selangor, Shah Alam, Selangor.
- Temu bual bersama Prof Madya Dr Kamaluddin Nurdin bertempat di Aras 2, Bilik Pensyarah, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia, Negeri Sembilan pada 5 Februari 2018.
- Temu bual bersama Dr. Mansoureh Ebrahim, Pensyarah Kanan, Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia bertempat di Kuala Lumpur pada 2 Ogos 2017.
- Trager, F. N. & Simonie, F.L., (1973). An Introduction to the study of national security. Dlm. Frank N. Rager dan Philips S. Kronenberg (Pynt.) National security and American society; theory, process and policy. Lawrence, KS.; University Press of Kansas.
- Toensing, Chris., (2007). The Shi'a in the Arab World. *Middle East Report*, No. 242. (Spring), hlm 47-48.

- Valki, Laszlo Valki., (1992). Vanishing Threat Perceptions and New Uncertainties in Central Europe. Dlm. Laszlo Valki (eds.) *Changing Threat Perceptions and Military Doctrines*. Hlm. 80-100. New York: Palgrave Macmillan.
- Wynbrandt, James., (2004). *A Brief History of Saudi Arabia*. New York: MP Hermitage.
- Wan Zahidi bin Wan Teh & Syeikh Mahmood Sa`ad Nasih. 2013. *Mengenal Hakikat Syiah*. Kuala Lumpur: Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
- Zabidi Mohamed., (2003). *Tersungkur di Pintu Syurga*. Kuala Lumpur: Zabidi Publication.
- Zahedi, Dariush., (2001). *The Iranian Revolution Then and Now*. Oxford: Westview Press.
- Zul`Azmi Yaacob & Ahmad Sunawari Long., (2015). Terrorisme sebagai cabaran ideologi Muslim Masa Kini: Satu Analisis dari Perspektif Falsafah. *International Journal of Islamic Thought*. Vol.7 (June) 2015.

A. Halim bin Daud,

Calon Doktor Falsafah di Pusat Penyelidikan Sejarah, Politik dan Keselamatan,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,

Universiti Kebangsaan Malaysia.

h4lim2014@gmail.com

Zarina binti Othman (PhD),

Profesor Madya di Pusat Penyelidikan Sejarah, Politik dan Keselamatan,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,

Universiti Kebangsaan Malaysia.

zaiothman02@gmail.com

Nor Azizan bin Idris (PhD),

Profesor Madya di Pusat Penyelidikan Sejarah, Politik dan Keselamatan,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,

Universiti Kebangsaan Malaysia.

nai@ukm.edu.my